

PM mahu projek Labuan disegera

25 JUL 1991

LABUAN, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usaha akan diambil bagi mengimport pekerja asing termasuk profesional untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan bank-bank di sini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas lawatan singkat ke sini, beliau berkata, kerja pembinaan projek Taman Kewangan bernilai RM360 juta kini dua bulan lewat daripada jadual, akibat kekurangan pekerja.

"Saya berharap kelewatan tidak lagi berlaku," katanya dan menambah bahawa tidak banyak kemajuan dalam projek pembinaan Hotel Faber Merlin bernilai RM60 juta.

Perdana Menteri berkata, sungguhpun Labuan mempunyai ramai pekerja asing, adalah perlu untuk mengimport pekerja dari Filipina seperti yang disyorkan oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Daim, yang mengetuai Lembaga Pembangunan Labuan (LDA), telah melahirkan kebimbangannya mengenai kelewatan projek pembinaan terutamanya projek Taman Kewangan yang akan menjadi pusat kegiatan kewangan luar pesisir pantai.

Dianggarkan satu pertiga daripada 60,000 penduduk Labuan adalah pekerja Indonesia dan Filipina.

Dr Mahathir juga berkata, sungguhpun golongan profesional mencukupi di Malaysia, kebanyakan mereka keberatan untuk datang ke Labuan. Mereka harus digalakkan untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri bagaimanapun gembira dengan kemajuan pembinaan Pusat Marina Labuan bernilai RM120 juta dan Taman Pertanian Pulau Papan.

Fasa pertama Pusat Marina itu dijadualkan dibuka Disember ini dengan dilengkapi 100 buah bilik dan 53 tempat berlabuh.